

Kembara USIM ke Indonesia

Seramai 20 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menyertai program Kembara Insani ke Indonesia berpeluang memahami sistem pendidikan negara itu dan mendekati masyarakat kurang bernasib baik.

Pengarah program, Siti Amira Mohd Din, berkata antara pengisian mengambil sempena lawatan enam hari itu ialah kunjungan ke Pondok Pesantren Al-Ashar Al-Madani, Universitas Islam Bandung (Unisba) dan Masjid Salman Institut Teknologi Bandung (ITB).

Pentafsir berbahasa Perancis

Katanya, sistem pengajian pesantren itu unik kerana bukan saja melahirkan ge-



Misi kembara Insani USIM di Indonesia bersama dengan sebahagian warga pesantren.

nerasi muda yang mampu menghafal al-Quran tetapi juga menjadi ahli tafsir yang menguasai bahasa Arab, Inggeris dan Perancis.

Beliau berkata, pette-

luan dengan kakitangan dan mahasiswa Unisba pula mencetuskan idea pelaksanaan program pertukaran pelajar.

"Lawatan ke Masjid Salman

ITB bertujuan menyampaikan sumbangan 10 al-Quran, 20 naskah surah Yassin dan 16 telekung.

Siti Amira berkata, rombongan USIM juga mengagih-

kan daging lembu kepada 250 penduduk sekitar Pesantren Al-Ashar Al-Madani.

Syukur negara makmur

Katanya, Misi Kembara Insani

SISTEM PENGAJIAN PESANTREN MELAHIRKAN GENERASI MENGHAFAL AL-QURAN"

merupakan satu daripada program di bawah Islamic Student Outreach USIM.

"Melihat sendiri kesusahan masyarakat Islam di luar negara memberi semangat kepada peserta untuk terus aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan meningkatkan rasa syukur atas nikmat hidup dalam negara aman dan makmur," katanya.

Program Kembara Insani ke Indonesia ialah kesinambungan Misi kemanusiaan: Mahasiswa USIM Merentas ASEAN ke Kemboja dan Vietnam tahun lalu dan Lawatan Mahabbah Antarabangsa ke Korea Selatan pada 2009.